

TRANSKRIP WAWANCARA BERSAMA
ENCIK HASSAN BIN YAACOB
PEMBANTU TADBIR DI PEJABAT SUK (SETIAUSAHA KERAJAAN), KELANTAN

OLEH:

AZILAH BT MOHAMMED ZALI (2017740929)
WAN NOOR AZIELA ISMA BT WAN ZARILLA (2017181629)

PROJEKINI DIMAJUKAN KEPADA
FAKULTI PENGURUSAN MAKLUMAT CAWANGAN KELANTAN
BAGI MEMENUHI KEPERLUAN KURSUS
IMR 604 – PENDOKUMENTASIAN SEJARAH LISAN
SEMESTER 05 (MAC – JULAI 2019)

PENGHARGAAN

Assalamualaikum warahmatullahiwabarakatuh, Alhamdulillah. Pertama sekali bersyukur kehadrat Allah S.W.T dengan limpah dan kurniaNya kerana telah memberikan kami kesihatan fizikal dan mental yang baik sepanjang menyempurnakan tugasan ini sehingga kami Berjaya menyiapkan tugasan yang diberi dengan sempurna dan jayanya.

Kami ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan jutaan terima kasih kepada Encik Hassan bin Yaacob diatas kesudiaan dan kerjasama yang beliau berikan untuk berkongsi maklumat yang telah diberikan. Perkongsian maklumat yang telah diberikan adalah berkaitan dengan tajuk tugasan kami iaitu mengenai sejarah bangunan Pejabat SUK (Setiausaha Kerajaan), Kelantan. Beliau merupakan individu penting yang banyak membantu dan berkongsi maklumat dalam menghasilkan tugasan ini. Begitu juga dengan kesudiaan pihak SUK sendiri yang sanggup menerima kunjungan kami dalam membantu untuk mendapatkan maklumat mengenai sejarah bangunan Pejabat SUK, Kelantan.

Selain itu, kami juga ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada pensyarah kami untuk subjek Pendokumentasian Lisan (IMR604) iaitu Puan Nurulannisa binti Abdullah kerana telah banyak memberi tunjuk ajar dan bimbingan kepada kami. Kami sangat menghargai segala jasa baik pensyarah kami kerana telah memberikan bantuan dan nasihat yang amat berguna sepanjang menyiapkan tugasan yang diberikan. Jasa yang beliau telah sumbangkan akan kami kenang hingga ke akhir hayat kami dan hanya Allah S.W.T sahaja yang dapat membalaunya.

Seterusnya, sekalung terima kasih juga kepada kedua ibu bapa kami kerana telah memberikan sokongan, dorongan dan semangat kepada kami sepanjang menyiapkan tugasan ini. Selain itu, tidak lupa juga kepada rakan-rakan seperjuangan yang banyak membantu sehingga membolehkan kami berjaya menyiapkan tugasan ini dengan sempurna. Akhir sekali, terima kasih kepada mana-mana pihak yang telah banyak membantu kami secara langsung atau tidak langsung sepanjang kami menyiapkan tugasan yang diberikan.

ISI KANDUNGAN

TAJUK

MUKA SURAT

TAJUK	MUKA SURAT
Penghargaan.....	i
Isi Kandungan.....	ii
Senarai Gambar Rajah.....	iii
Abstrak.....	iv
Biodata Tokoh.....	v
Pengenalan.....	vi
Transkrip	
Bahagian I: Latar Belakang Tokoh.....	1-4
Bahagian II: Sejarah Pendidikan Tokoh.....	5
Bahagian III: Pekerjaan Awal.....	6-7
Bahagian IV: Asal Usul.....	8-32
Bahagian V: Sumbangan Dan Harapan.....	33-35
Lampiran	
Rujukan.....	36
Log Wawancara.....	37-40
Diari Kajian.....	41-42
Senarai soalan.....	43-48
Surat Perjanjian.....	49
Gambar.....	49
Indeks.....	50

SENARAI GAMBAR RAJAH


<i>Gambar Rajah 1 : Tokoh , Encik Hassan Bin Yaacob</i>	V
<i>Gambar Rajah 2 : Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Kelantan (Tahun 1954) Padang Gimlette (Kawasan Bangunan MARA sekarang)</i>	VI
<i>Gambar Rajah 3: Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Sekarang</i>	VII
<i>Gambar Rajah 4: Bersama Encik Hassan Bin Yaacob di tapak lama Pejabat SUK terdahulu</i>	49

ABSTRAK

Abstrak : Temubual ini berkaitan dengan sejarah bangunan di Negeri Kelantan iaitu Pejabat Setiausaha Kerajaan (SUK) dan telah dijalankan antara pelajar UiTM Machang dan bersama tokoh bersejarah iaitu Encik Hassan Bin Yaacob. Transkrip temubual ini dijalankan di Restoran Star Café Vegetarian, Jalan Hamzah , Kampung Limau Manis , 15050 Kota Bharu Kelantan , pada hari Jumaat , 26 April 2019 bermula jam 10.00 pagi. Encik Hassan Bin Yaacob telah berkhidmat selama 30 tahun di Pejabat Setiausaha Kerajaan ,Kelantan (SUK) sebagai Pembantu Tadbir Bahagian Pengangkutan dan Pentadbiran Am. Temu bual ini mengupaskan serba sedikit mengenai latar belakang Encik Hassan Bin Yaacob dan juga sejarah bangunan Pejabat Setiausaha Kerajaan (SUK) , Kelantan. Implikasi daripada temuramah ini , kami dapat mengetahui asal usul , reka bentuk ,pengurusan dan kejayaan bangunan Pejabat Setiausaha Kerajaan , Kelantan (SUK). Bagi memupuk semangat nasional dan cintakan sejarah Negeri Kelantan kalangan anak muda , Encik Hassan Bin Yaacob juga memberikan harapan dan pandangan beliau. Sehingga kini , keunikkan Pejabat Setiausaha Kerjaan , Kelantan (SUK) menjadi buah mulut di kalangan penduduk kerana dengan panggilan ‘Opis Pohon Celagi’.

Kata Kunci : Kelantan , Pejabat Setiausaha Kerajaan , Sejarah bangunan.

BIODATA TOKOH



Gambar Rajah 1 : Tokoh , Encik Hassan Bin Yaacob

NAMA PENUH : Encik Hassan Bin Yaacob
NAMA SAMARAN : Pak Cik Hassan
WARGANEGARA : Malaysia
UMUR : 63 Tahun
TARIKH LAHIR : 13 September 1956
TEMPAT LAHIR : Kampung Padang Temesu Tumpat, Kelantan
TEMPAT TINGGAL : PT 181 Bawah Lembah Belakang SIC Kota Bharu, Kelantan
PEKERJAAN : Pembantu Tadbir Bahagian Pengangkutan dan Pentadbiran Am
TEMPAT BEKERJA : Pejabat Setiausaha Kerajaan (SUK), Kelantan
TEMPOH BEKERJA : 30 Tahun

PENGENALAN

Kelantan terletak di sudut utara-timur semenanjung. Kelantan adalah rumah kepada beberapa penemuan arkeologi yang paling purba di Malaysia, termasuk beberapa penempatan orang asli prasejarah. Kerana pengasingan relatif Kelantan dan gaya hidup luar bandar, buday Kelantan berbeza dari budaya Melayu di seluruh Semenanjung. Antaranya adalah masakan, kesenian dan bahasa Melayu Kelantan yang unik. Kelantan juga mempunyai tempat bersejarah yang amat menarik dan merupakan simbolik kepada Kelantan.

i) Sejarah Pejabat SUK



*Gambar Rajah 2 : Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Kelantan (Tahun 1954) Padang Gimlette
(Kawasan Bangunan MARA sekarang)*

Di awal pemerintahan Sultan Muhammad IV (1899—1920) telah dibina sebuah bangunan kayu berbentuk empat persegi yang dikenali sebagai "Opis Pohon Celagi". Pejabat Setiausaha Kerajaan juga pernah ditempatkan di Bangunan Takdir, Jalan Sultan Ibrahim, di sebelah Pejabat Pos Lama, Kota Bharu.

Semasa Pendudukan Jepun dalam tahun 1942 sebuah bangunan baru bagi Pejabat Setiausaha Kerajaan telah dipindahkan ke bangunan baru di Jalan Hospital / Jalan Doktor. Setelah siapnya bangunan baru di Kampung Puteh, Jalan Kuala Krai maka pada bulan Mac 1987, Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Kelantan mulai ditempatkan di Kota Darulnaim, Kota Bharu, Kelantan



Gambar Rajah 3: Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Sekarang

Pada abad ke -19 hingga awal abad ke - 20 tugas – tugas kesetiausahaan seperti menulis surat – surat DiRaja dan surat – surat rasmi Kerajaan telah dilaksanakan oleh "Semian" (Tok Semian). Perkataan "Semian" berasal dari bahasa Siam yang bermakna "jurutulis". Di akhir abad ke – 19 pejabat Semian terletak di bangunan panjang yang diperbuat daripada kayu di hadapan Istana Balai Besar dan dikenali sebagai "Opis Panjang" yang dibina pada awal pemerintahan Sultan Mansor(1891—1899).

ii) Visi Dan Misi Pejabat SUK

Visi

- Peneraju Perkhidmatan Awam yang TERBILANG pada 2020

Misi

- Melahirkan penjawat awam yang bertaraf dunia
- Memperkasakan Sistem Pengurusan Perkhidmatan Awam Negeri Kelantan

iii) Peranan Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Kelantan

Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Kelantan merupakan sekretariat kerajaan negeri yang mengendalikan hal ehwal yang berkaitan dengan urusan pentadbiran negeri. Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri mempunyai dua belas (12) bahagian dan unit sokongan yang terdiri daripada:

Unit Perancang Ekonomi Negeri :

- Bahagian Pengurusan Sumber Manusia
- Bahagian Khidmat Pengurusan
- Bahagian Kerajaan Tempatan
- Bahagian Perumahan
- Bahagian Majlis Mesyuarat Kerajaan

Unit Audit Dalam :

- Bahagian Pelancongan dan Kebudayaan Pejabat SUK
- Bahagian Pengurusan Teknologi Maklumat
- Bahagian Pengurusan Korporat

Setiausaha Kerajaan Negeri merupakan Ketua Pentadbiran Negeri dan juga bertindak sebagai Ketua Pejabat bagi semua Jabatan/Agensi Kerajaan dan Badan Berkanun Negeri dan Persekutuan serta dua belas (12) Pihak Berkuasa Tempatan Negeri Kelantan. Justeru itu Jabatan/Agensi Kerajaan, Badan Berkanun dan Pihak Berkuasa Tempatan tersebut bukan sahaja bertanggungjawab kepada Kementerian di peringkat pusat tetapi secara tidak langsungnya bertanggungjawab kepada Setiausaha Kerajaan Negeri. Badan-badan Berkanun dan Pihak Berkuasa Tempatan adalah sebahagian daripada Perkhidmatan Awam.

Ini kerana kedua-dua badan berautonomi ini menerima pakai peraturan-peraturan Perkhidmatan Awam berkaitan dengan pelantikan, kenaikan pangkat, penamatan perkhidmatan, arahan-arahan pentadbiran, syarat-syarat perkhidmatan dan juga Sistem Saraan yang mana para pegawai dan kakitangan mereka juga menerima pencegah dan faedah persaraan sebagaimana yang dinikmati oleh anggota Perkhidmatan Awam.

Antara peranan utama yang dimainkan oleh Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri sebagai sekretariat kerajaan negeri yang mengendalikan hal ehwal pentadbiran negeri adalah:

- Peranan sebagai pemimpin dan pelaksana

Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri bertindak sebagai pemimpin dan pelaksana dalam menerokai bidang-bidang baru bagi menjamin pembangunan yang selaras antara negeri dan pusat yang berterusan dalam mencapai objektif negara.Terutamanya dalam merealisasikan agenda pembangunan sumber manusia dalam menetap dan melaksanakan hala tuju yang strategik bagi melahirkan keperluan modal insan yang diperlukan oleh negara bagi menghadapi daya saing negara dan cabaran global

- Peranan sebagai fasilitator pengawal setia (regulator)

Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri bertindak sebagai fasilitator, pengawal selia (regulator) serta pemudah cara dalam hal-hal pembangunan negeri yang berlandaskan dasar-dasar makro negara supaya negara berdaya saing diperingkat global terutamanya penyediaan modal insan yang berkemahiran, berilmu pengetahuan, mempunyai katahanan diri, proaktif, cekap, efisyen, produktif dan bijak berfikir sesuai dengan keadaan dalam mengatasi cabaran.

- Peranan sebagai penyelaras strategik negeri

Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri bertindak sebagai Penyelaras Strategik yang berberkepentingan kepada Stakeholder dan pelanggan (rakyat) samada pembangunan infrastruktur dan pembangunan modal insan bagi menjamin kemajuan negeri selaras dengan kemajuan pusat.

- Perhubungan dua hala antara pihak kerajaan dan rakyat

Pentadbiran di pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Kelantan telah menggunakan model "Two Step Flow". Dimana wujudnya proses maklumbalas di antara pihak kerajaan dan rakyat. Melalui perhubungan dua hala antara pihak kerajaan dan rakyat akan dapat membantu pihak kerajaan supaya dapat memberikan perkhidmatan yang terbaik kepada pihak rakyat

TRANSKRIP

Assalamualaikum Encik Hassan bin Yaacob,

Berikut merupakan temubual sejarah lisan yang telah dijalankan oleh **Azilah Bt Mohammed Zali dan Wan Noor Aziela Isma bt Wan Zarilla bersama Encik Hassan Bin Yaacob mengenai pengalaman beliau sebagai Pembantu Tadbir di Pejabat SUK (Setiausaha Kerajaan), Kelantan** yang ditubuhkan pada tahun 1891 hingga kini. Temubual ini dijalankan di **Restoran Star Café Vegetarian, Jalan Hamzah , Kampung Limau Manis , 15050 Kota Bharu Kelantan** pada **26 April 2019 (Ahad)**.

Petunjuk:

EH	: Encik Hassan
AI	: Aziela Isma

BAHAGIAN I: LATAR BELAKANG TOKOH

AI: **Ok, hari ini saya akan bertemu bual dengan Encik Hassan bin Yaacob berkenaan dengan bahagian pertama latar belakang tokoh. Soalan pertama, apakah nama penuh tuan/puan?**

EH: Nama saya Encik Hassan bin Yaacob.

AI: **Apakah samaran yang dipanggil oleh tuan/puan?**

EH: *Pokcik. [Pakcik]*

AI: **Bolehkah tuan/puan ceritakan berkenaan jawatan yang disandang tuan/puan?**

EH: Jawatan yang disandang sekarang ialah jawatan pembantu tadbir bahagian pengangkutan dan juga pentadbiran am, termasuklah protokol.

AI: Apakah tanggungjawab dan peranan tuan/puan di organisasi pejabat SUK?

EH: Saya bertanggungjawab secara langsung mengenai dengan permohonan kenderaan oleh orang-orang kenamaan daripada agensi luar yang mana jikalau mereka mahu kenderaan untuk keperluan mereka di Kelantan. Maka sayalah orang yang bertanggungjawab mengatur, menyusun, dan mengagihkan kenderaan yang sesuai *deh*. [jugak]

AI: Bilakah tuan/puan mula menetap di Kota Bharu?

EH: Sejak lahir lagi.

AI: Berapakah bilangan anak tuan/puan? Berapa lelaki dan perempuan?

EH: Anak lima. Tiga perempuan, dua *laki-laki*. [Lelaki]

AI: Adakah semua anak tuan/puan sudah bekerja atau masih menyambung pengajian?

EH: Ada dua bekerja, tiga lagi masih mencari pekerjaan.

AI: Kenapakah tuan/puan memilih organisasi Pejabat SUK sebagai tempat pekerjaan tuan/puan?

EH: Saya rasa selesa dengan organisasi yang saya bekerja sekarang *ni* [ini]. Selesa.

AI: **Adakah organisasi Pejabat SUK menjadi pilihan utama sebagai tempat pekerjaan tuan/puan?**

EH: Tak semesti tapinya, oleh kerana saya ditempatkan disitu maka disitulah tempat saya bekerja.

AI: **Soalan seterusnya, berapa lama tuan/puan berkhidmat di Pejabat SUK?**

EH: Melebihi tiga puluh [30] tahun.

AI: **Apakah sumbangan tuan/puan sepanjang berkhidmat di Pejabat SUK?**

EH: Saya menyumbang dari segi, dari segi perkhidmatan saya dalam bentuk protokol, khidmat keprotokolan dan perkhidmatan pelanggan, layan pelanggan apa-apa pelanggan yang daripada luar datang ke SUK untuk memenuhi atau pendapatkan sesuatu maklumat. Maka sayalah diantara orang-orang yang memberikan respon kepada pelanggan.

AI: **Apakah cabaran yang dihadapi oleh tuan/puan sewaktu mula bekerja di Pejabat SUK?**

EH: Cabaran pertama ialah dimarahi oleh Ketua Jabatan, oleh kerana kita pada masa *tu* [itu] orang baru dan tak tahu selok belok Pejabat SUK. Maka kene marahlah (ketawa). Tapi cabaran *tu* [itu] boleh kita atasi sebabnya kene marah *ni* [ini] ialah *ase gare* [asam garam] kepada perkhidmatan kita.

AI: **Apakah penganugerahan yang diterima oleh tuan/puan sepanjang berkhidmat di Pejabat SUK? Sebarang anugerah.**

EH: Saya terima dua anugerah oleh Kebawah Duli Tuan/Puan Sultan. Tapi saya lupa anugerah berbintang dia *tu* [itu] apa, a.s.k ke d.s.k ke saya lupa. Tapi dua anugerah saya terima lah sepanjang tempoh perkhidmatan.

TAMAT BAHAGIAN I

BAHAGIAN II: SEJARAH PENDIDIKAN TOKOH

AI: Ok, terima kasih kerana memberi maklumat latar belakang tokoh. Seterusnya bahagian dua, sejarah pendidikan tokoh. Soalan pertama, dimanakah lokasi dan nama sekolah rendah dan sekolah menengah tuan/puan?

EH: Saya sekolah rendah di Sekolah Rendah Kebangsaan Berangan Tumpat, Kelantan. Sekolah menengah Sekolah Menengah Tumpat, Kelantan di Kelaboran dan disitulah berakhirnya sekolah saya.

AI: Apakah pencapaian tertinggi yang pernah dicapai oleh tuan/puan sewaktu di sekolah?

EH: Pencapaian akademik itu sijil SPM saja, Sijil Pelajaran Malaysia. Itu sahaja.

AI: Adakah tuan/puan melanjutkan pelajaran ke universiti, samada universiti awam atau universiti swasta?

EH: Oh tidak, cuma setakat di setakat di sekolah setakat melanjutkan pelajaran ke peringkat tingkatan enam rendah dan enam atas setakat STP [Sijil Tinggi Pelajaran] lah pada masa tu [itu]. Lepastu habis

AI: Apakah falsafah yang dipegang oleh tuan/puan sepanjang pengajian agar tidak mudah berputus asa?

EH: Sabar je [sahaja] la.

TAMAT BAHAGIAN II

BAHAGIAN III: PEKERJAAN AWAL

AI: Okay, seterusnya bahagian tiga, pekerjaan awal. Boleh saya tahu, adakah tuan/puan mempunyai pekerjaan lain selain bekerja di Pejabat SUK?

EH: Pekerjaan awal saya mula-mula dilantik ke perkhidmatan awam negeri sebagai *office boy* [budak pejabat] - pada masa *tu* [itu] di pejabat sultan Istana Balai Besar tahun sembilan belas tujuh puluh tujuh [1977] *tu* [itu] sejarah perkhidmatan awal saya. Lepastu saya, (bunyi motor) dilantik ke jawatan kerani rendah pada masa *tu* [itu] dan kerani biasa (bunyi motor) dan sehingga ke hari ini.

AI: Bagaimanakah tuan/puan mendapat pekerjaan tersebut?

EH: Saya memohon sendiri memohon sendiri, tidak minta pertolongan daripada siapa-siapalah nasiblah.

AI: Apakah pekerjaan tersebut membantu tuan/puan dari segi kewangan dan perbelanjaan?

EH: Oh tidak, tidak membantu.

AI: Apakah berlakunya sebarang halangan tuan/puan dalam memilih pekerjaan tersebut?

EH: Halangan *tu* [itu] setiap kali saya mohon jawatan yang lebih tinggi. Halangan *tu* [itu] ialah tiap kali temuduga tidak berjaya tapi saya ulangi nya lagi hingga berjaya.

AI: **Apakah faktor utama tuan/puan memilih pekerjaan tersebut?**

EH: Faktor utama ialah kerana ia rasa sesuai dengan saya lah sesuai dengan diri saya.

Peringkat pengkeranian sesuai dengan saya dan sesuai dengan *keluluse kita* [kelulusan kita], *tu itu je saja jawate kita* [jawatan kita].

AI: **Berapa lamakah tuan/puan bekerja disitu?**

EH: Lebih tiga puluh [30] tahun.

AI: **Apakah sumbangan tuan/puan sepanjang bekerja pada waktu itu?**

EH: Sumbangan nya saya memberi perkhidmatan terbaik kepada pelanggan lah.

TAMAT BAHAGIAN III

BAHAGIAN IV: ASAL USUL

I) SEJARAH PEJABAT SUK

AI: Okay, terima kasih untuk bahagian tiga. Seterusnya bahagian empat asal-usul iaitu sejarah Pejabat SUK. Boleh saya tahu, bilakah bangunan Pejabat SUK mula ditubuhkan?

EH: Pejabat SUK mula ditubuhkan pada akhir abad ke-sembilan belas [19] iaitu lapan belas lapan puluhan [1880 an] macam *tu* [itu] lah (bunyi lagu) penubuhan awal Pejabat SUK.

AI: Apakah peranan utama Pejabat SUK pada awal pembinaan?

EH: Peranan utama Pejabat SUK pada awal pembinaan ialah bertindak selaku bertindak selaku pentadbir kepada seluruh rakyat jelata pada masa itu.

AI: Berapa tingkat bangunan Pejabat SUK pada waktu itu seingat Encik Hassan?

EH: Pada waktu itu hanya sebuah bangunan sahaja, bangunan tidak bertingkat lah merupakan sebuah bangsal pada masa *tu* [itu] pada masa penjajahan British.

AI: Siapakah yang memberi inspirasi terhadap visi dan misi Pejabat SUK pada waktu itu?

EH: Pada waktu itu yang memberi inspirasi visi dan misi ialah kebawah duli Sultan pada masa tu, Sultan.

AI: **Pada waktu itu juga, siapakah penggerak utama yang mencetuskan idea untuk menubuhkan bangunan tersebut?**

EH: Sultan juga, kebawah duli Sultan juga.

AI: **Adakah pada waktu Pejabat SUK mendapat sebarang tajaan daripada agensi atau organisasi lain seawal pembinaaan?**

EH: Seingat - tajaan ataupun sumbangan tidak dari mana-mana pihak, hanya pada waktu itu di bawah pentadbiran Kolonel British mungkin sedikit sebanyak adalah sumbangan kewangan daripada pihak British.

AI: **Adakah Pejabat SUK mendapat sambutan oleh orang awam pada awal pembinaan?**

EH: Pada awal pembinaan memang kurang ada sambutan oleh kerana nya pada masa tu keseluruhan rakyat itu tidak menghadapi apa-apa masalah lagi lah, maka bila tidak ada masalah tidak ada lah aduan kepada pemerintah nya.

AI: **Mengapakah memilih Kota Bharu sebagai tempat strategik untuk membina Pejabat SUK?**

EH: Tu [Itu] idea sultan sendiri, asalnya daripada Gua Musang dia pindah ke--- dia- bila lapisan sultan daripada yang paling awal turun ke sultan yang ke berikutnya. Maka sultan yang berikutnya memilih Kota Bharu sebagai kota untuk Kota Bharu dan kota untuk pejabat sultan.

AI: **Boleh tuan/puan ceritakan siapakah yang merasmikan penubuhan pembukaan Pejabat SUK pada waktu itu?**

EH: *Tu [itu] sultan jugak pada masa itu.*

AI: **Boleh tuan/puan kongsikan berapakah anggaran yang diperlukan seawal pembinaan Pejabat SUK?**

EH: Pada masa tu, anggaran *kalu* [kalau], nilai duit pada masa *tu* [itu] lah, pasal *bangune* [bangunan] *tu* [itu] daripada *bamboo* [buluh], kayu, atap *nipoh* [nipah] lah. Nilainya tak seberapa sangat. Mungkin pihak sultan boleh memerintahkan hamba rakyat supaya kumpul *behe binae* [bahan binaan] daripada atap rumbia, *bamboo* [buluh], daun *nipoh* [nipah] *gitu* [begitu] je [sahaja] lah, tak melibatkan kos yang besar saya rasa *gitu* [begitu] je [sahaja] lah.

AI: **Soalan seterusnya, mengapakah bangunan Pejabat SUK pada awal pembinaan dibina berdekatan dengan bangunan-bangunan sejarah yang lain seperti Bank Kerapu, Istana?**

EH: Sebab pada masa *tu* [itu] Sultan duduk di Istana Balai Besar sebelah kita *ni* [ini] (menunjukkan Istana Balai Besar) tapi pada masa *tu* [itu] pusat pentadbiran ni *dale* [dalam] bawah Sultan, British sebagai penaung je [sahaja], penasihat pada masa *tu* [itu] nya. Sebab itulah dibina Pejabat SUK *ni* [ini] tepi Pejabat Sultan tepi Bank Kerapu. *Gitu cito dio* [cerita dia], takda pilihan lain pada masa *tu* [itu].

AI: **Seterusnya, adakah Encik Hassan tahu bilakah pokok pohon celagi ditanam disini?**

EH: Mengikut sejarah ore [orang] dulu-dulu, masa pembinaan SUK tu pohon celagi *ni* [ini] ada *doh* [dah], sudah ada *doh* [dah] pada masa *tu* [itu]. *Tu* [itu] tidak kata macam *ni* [ini] penuh semak-samun, ada buah celagi, pastu pohon tembesu atau cengal, *meme kawasey* [memang kawasan] *ni* [ini] masa *tu* [itu] *hute* [hutan] lah tidak *terey mace* [terang macam] *ni* [ini].

AI: **Adakah ada pihak yang lain yang ingin memotong atau memusnahkan pohon celagi?**

EH: Ada tapi dikawal oleh pihak yang berkuasa lah, MPKB [Majlis Perbandaran Kota Bharu] dia mencegah dari *ditebey* [ditebang], diroboh.

AI: **Pada pendapat Encik Hassan pula, apakah nilai pokok pohon celagi terhadap pembangunan Pejabat SUK?**

EH: Dia merupakan nilai sejarah, dia tidak ada nilai dari segi wang ringgit lah, nilai sejarah semata-mata. *Buke* [bukan] penilaian emas lah, hormat kepada Pejabat SUK pada masa dahulu.

AI: **Seterusnya, pada pendapat tuan/puan berapa lamakah tempoh yang diambil sewaktu memperbaharui bangunan tersebut?**

EH: Bangunan sedia ada *tu* [itu]? Saya tengok tak berapa lama sangat, tempoh singkat mungkin tiga empat bulan lebih saja sebab bangunan tu *simple* [mudah] saja.

AI: Sepanjang tuan/puan berkhidmat di Pejabat SUK, pernahkan Pejabat SUK ditimpa sebarang bencana?

EH: Ada, banjir. Ditimpa banjir ada.

AI: Jika ya, boleh tuan/puan ceritakan keadaan yang berlaku pada waktu itu?

EH: Keadaan yang berlaku pada waktu itu, saya sendiri terlibat dalam keadaan banjir pada waktu itu, mana pihak-pihak keselamatan yang berkuasa keselamatan seperti bomba, polis dalam keadaan berjaga-jaga lah. Bahkan Setiausaha Kerajaan Negeri pun turun padang ke tapak melihat keadaan sebenar yang habis ditimpa banjir.

AI: Sewaktu berlakunya bencana, apakah tindakan organisasi Pejabat SUK pada waktu itu untuk mengelakkan bencana tersebut?

EH: Ada, mereka---segala dokumen-dokumen daripada tingkat bawah dia pindah ke tempat yang lebih tinggi lah.

AI: Adakah bencana tersebut melibatkan pekerja yang menyebabkan berlakunya kehilangan nyawa atau cedera?

EH: Tidak tidak. Cedera pun tidak, kehilangan nyawa pun tidak.

AI: Berapa lamakah tempoh yang diambil untuk membaik pulih Pejabat SUK kembali asal selepas berlakunya bencana?

EH: Daley sebuley dua buley [dalam sebulan dua bulan] gitu [begitu] lah.

AI: **Boleh tuan/puan angarkan berapakah kos yang diperlukan untuk membaiki Pejabat SUK pada waktu itu?**

EH: Saya ingat __ kewange [kewangan] pada masa tu [itu] tidaklah tinggi sangat. Tapi tak dapat *dinyatake* [dinyatakan] cuma tak tinggi sangat lah, tidak teruk sangat kerosakan.

AI: **Sepanjang tuan/puan berkhidmat di Pejabat SUK, pernahkan berlakunya kecuriaan di Pejabat SUK?**

EH: Pernah berlaku, ada pernah berlaku kecuriaan.

AI: **Boleh tuan/puan kongsikan bagaimanakah boleh berlakunya kecuriaan tersebut?**

EH: Kecurienyo [kecuriannya] dari segi pihak *dalamelah* [dalamanlah] saya ingat. Kecuriey [kecuriaan] dari segi wang ringgit, yang *mano* [mana] wang ringgit itu terdapat di dalam *mejo* [meja] laci *staff* [pekerja]. Itu sahaja kecuriaan.

AI: **Soalan seterusnya, kenapa memanggil Pejabat SUK sebagai Pejabat Setiausaha Kerajaan?**

EH: Dia dicetuskan tu [itu] pada masa Sultan lagi. Sultan terdahulu. Sultan pada masa tu [itu] dalam zaman pemerintahan British. British memanggil Pejabat SUK waktu tu [itu] dalam Bahasa British ,*Kelantan State Department* [Jabatan Negeri Kelantan] , *State Secretariat* [Sekretariat Negeri] *try* [cuba] *lah* *State Secretariat* [Sekretariat Negeri] *kot* [ikut] Melayu hingga keharini. Pada masa tu [itu], kerajaan negeri ketua kepada pentadbir selepas Menteri besar.

AI: **Kenapa Pejabat SUK memilih nama ‘Pejabat Setiausaha’? Apakah definisi ‘setiausaha’ dan maksud ‘setiausaha’?**

EH: *Tu [itu] Ketua Kerajaan Negeri, Menteri Besar, dia sebenarnya pemerintah tertinggi Menteri Besar, dia delegate [mewakilkan] kuasa dia tu [itu] kepada Setiausaha Kerajaan Negeri sebagai urus setia- Secretariat [Sekretariat] maka tu [itu] dinamakan Setiausaha Kerajaan Negeri. Tu [itu] lah salahsilah nya.*

AI: **Adakah terdapat nama lain sebelum Pejabat SUK?**

EH: Takda nama lain.

AI: **Adakah panggilan Pejabat SUK dipersetujui oleh ramai orang atau organisasi-organisasi lain?**

EH: Memang lah- orang ramai hanya terima benda yang telah dinamakan SUK, tercetusnya idea daripada Sultan lah dan juga British pada masa *tu [itu]* selaku pemerintah, masa *tu [itu]* penjajah-penjajah. Dinamakan *State Secretariat Department* [Jabatan Sekretariat Negeri].

AI: **Pernahkah Pejabat SUK dijajah oleh negara luar ataupun seperti British, Jepun sewaktu awal pembinaan?**

EH: Pejabat SUK *tu [itu]* wujud dalam masa pemerintahan British, maknanya memang Kelantan, Malaysia dijajah pada waktu berlayar. Waktu *tu [itu]* Kelantan *ni [ini]* negeri di bawah bayu, pada masa *tu [itu]* British yang menjajah kea [kan], masa British menjajah *tu [itu]* sudah ada Sultan.

AI: Seingat Encik Hassan, siapakah sultan-sultan yang terlibat pada waktu itu?

EH: Sultan yang terlibat pada waktu *tu* [itu], Sultan Muhammad ke-IV dan sebelum Sultan Muhammad ke-IV lagi, Sultan Ibrahim ,Sultan Ismail, banyak sultan lah. Cuma pada masa *tu* [itu] *kito* [kita] tok [tak] *berapo* [berapa] ingat sangat pasal *sulte-sulte* [sultan-sultan] *ni* [ini].

AI: Boleh tuan/puan kongsikan, pada waku sekarang tempat asal pembinaan Pejabat SUK dibina dan kenapa dibina di empat tersebut?

EH: Pembinaan Pejabat SUK *loni* [sekarang] adalah kerana organisasi Pejabat SUK semakin berkembang, dimana tapak sekare [sekarang] *ni* [ini], tapak sekare[sekarang] *ni* [ini] pun dahulu adalah penempatan polis-polis, ada pegawai tinggi askar dan juga tempat Jepun pancung kepala. Jadi itulah pindahnya Pejabat SUK daripada Jalan Doktor *tu* [itu], nama lamanya Pejabat MPKB [Majlis Perbandaran Kota Bharu] ke tapak sekare [sekarang] *ni* [ini], Pejabat SUK sekare [sekarang] kerana pusat perkembangan itu makin berkembang, makin besar maka nak elak daripada kesesakan trafik plilih tempat *loni* [sekarang] (bunyi azan).

AI: Seingat Encik Hassan, siapakah yang merobohkan kawasan Pejabat SUK dahulu?

EH: Pada masa *tu* [itu] yang merobohkannya saya tak berapa nak jelas, cumanya oleh kerana ada Pejabat SUK baru, maka SUK lama *tu* [itu] kira tak perlulah, maka dirobohlah tinggal lagi tapak *loni* [sekarang] Bank Pitih, Bank Kerapu, Istana Balai Besar yang *still* [masih] kekal sampai hari ini.

AI: **Bangunan apakah yang dibina selepas Pejabat SUK yang dahulu dirobohkan?**

EH: Tidak dibina apa-apa, cumanya tinggal kawasan untuk parking awam, tinggal Cuma pokok celagi sebagai sejarah, teman bagi Pejabat SUK lama.

AI: **Soalan seterusnya, berapa kali perpindahan berlaku un tuk Pejabat SUK?**

EH: Sejarah Pejabat SUK berlaku pertama, penubuhan pertama di depan Istana Balai Besar dekat pohon celagi dipanggil ‘Opis Pohon Celagi’. Yang kedua disini tapak bangunan Mara sekarang *ni* [ini], yang ketiga di *belake* [belakang] *ni* [ini] *bangune* [bangunan] SUK, yang keempat di Kompleks Kota Darul Naim yang *loni* [sekarang] lah. Empat kali lah.

AI: **Sepanjang perpindahan, adakah menggunakan banyak kos atau bajet yang diperlukan?**

EH: Memang bajet waktu *tu* [itu] bergantung kepada nilai duit pada masa *tu* [itu]. Memang banyaklah

AI: **Pada pendapat Encik Hassan sendiri, sepanjang perpindahan tu kawasan yang mana paling mengambil risiko?**

EH: Disinilah, sebab banjir sini agak *dale* [dalam] sikit kalau nak banding *denge* [dengan] Pejabat Sultan *tu* [itu], situ tinggi sikit dan Kota Darul Naim pun tinggi sikit dan sini paling rendah lah, paling payah risiko dari segi banjir (bunyi burung berkicauan).

AI: **Pejabat SUK sendiri dibina di Kompleks Kota Bharu, apakah kesan-kesan ataupun impak terhadap bangunan-bangunan sebelum ini?**

EH: Bangunan-bangunan sebelum *tu* [itu] dia hasil daripada perpindahan Pejabat SUK, kita beri kepada agensi kerajaan yang lain *mace* [macam] contohnya PKB [Perbandaran Kota Bharu] ambil alih (bunyi burung berkicauan).

AI: **Adakah sepanjang pembinaan juga, adakah berlakunya kemerosotan terhadap bangunan tersebut sebelum berlakunya perpindahan di Pejabat SUK sekarang?**

EH: Dari segi fizikal tak terjejas, kekal seperti sedia ada lah.

TAMAT BAHAGIAN IV (BAHAGIAN I)

II) REKABENTUK PEJABAT SUK

AI: **Seterusnya reka bentuk Pejabat SUK, soalan pertama apakah simbolik reka bentuk bangunan Pejabat SUK?**

EH: Reka bentuk Pejabat SUK *loni ko, sekare ni ko gano?* [sekarang ni ke macam mana?]

AI: **Sekarang.**

EH: Sekare [sekarang] ni [ini] dia ada reka bentuk *cetuse* [cetusan] kepada--- simbolik kepada masjid asal di Kelantan iaitu Masjid Kampung Laut, seni bina Masjid Kampung Laut tu contoh.

AI: **Mengapakah bangunan Pejabat SUK dikenali sebagai "Opis Pohon Celagi" pada awal pembinaan?**

EH: Kerana di situ terdapat sebuah pokok celagi, pohon celagi.

AI: **Mengapakah Pejabat SUK memilih reka bentuk tersebut?**

EH: Kerana cetusnya *tu* [itu] daripada idea *jugok* [juga], idea Sultan *jugok* [juga].

AI: **Mengapakah memilih tema warna tersebut di Pejabat SUK?**

EH: Tema *tu* [itu] pihak Sultan *jugok* [juga] ideanya, Tuanku Sultan.

AI: Apakah keunikan bangunan Pejabat SUK?

EH: Unik, unik *tu* [itu] maknanya beza daripada bangunan-bangunan lain pada waktu *tu* [itu], tidak ada bangunan-bangunan lain. Hanya itulah kaedah idea pada waktu *tu* [itu], maka itulah dikatakan unik (ketawa kecil).

AI: Pada pendapat tuan/puan apakah kekurangan reka bentuk pada bangunan Pejabat SUK?

EH: Pada waktu *tu* [itu] kalau nak kira sudah cukup *molek doh* [elok dah], tidak ada *kekurange* [kekurangan] kalau nak banding *denge loni* [dengan sekarang] sebab reka bentuk *tu* [itu] *memeylah* [memanglah] __ ke arah yang lebih baik sebenarnya pada waktu *tu* [itu], *tu* [itu] yang lebih baik (ketawa kecil).

AI: Mengapakah bangunan Pejabat SUK dianggap unik?

EH: Sebab tidak ada lagi reka bentuk lain daripada Pejabat SUK *ni* [ini] pada waktu itu, itulah yang terbaik.

AI: Apakah tindakan yang diambil untuk mengekalkan reka bentuk bangunan Pejabat SUK?

EH: Mulanya kita jaga dari segi dia *tu* [itu] rosak ataupun dia diceroboh, diusik macam-macam lah. Kita jaga dia kekalkan dia daley keadae [dalam keadaan] reka bentuk yang asal.

AI: Kenapa bangunan Pejabat SUK dibina secara berasingan?

EH: *Hok sekare ni ke hok dulu? [Yang sekarang ini ke yang dulu?]*

AI: **Sekarang.**

EH: *Hok sekare [yang sekarang] ni [ini] kalau bangunan SUK sekare [sekarang] ni [ini] bangunan SUK ni [ini] sebenarnya Pusat Pentadbiran Kerajaan Negeri. Maka dibina secara *berasinge* [berasingan] tu [itu] adalah bagi menempatkan beberapa *jabate* [jabatan] di dalam satu kompleks iaitu Pejabat SUK sendiri satu blok, Pejabat Perhutanan satu blok, Pejabat Tanah satu blok dan dalam jabatan satu blok-blok berasinganlah, tu [itu] dibina *berasinge* [berasingan] tu [itu].*

AI: Apakah simbolik monumen yang berada di Pejabat SUK?

EH: Simbolik?

AI: **Simbolik monumen.**

EH: Simbolik monumen tu [itu] apa maksudnya?

AI: Terdapat ada pembinaan simbolik reka bentuk di tengah Pejabat SUK.

EH: Tadi ambil kira seni bina islam hasil daripada tercetusnya idea Sultan, tu [itu] dimana tiru contoh Masjid Kampung Laut. Itu je [sahaja] lah.

AI: **Pada pengetahuan tuan/puan reka bentuk tersebut dibuat dan dibina daripada apa?**

EH: *Bahe binae* [bahan binaan] daripada kayu dan simen.

AI: **Apakah sebab struktur jalan di Pejabat SUK dibina sebegitu?**

EH: Untuk memudahkan aliran keluar masuk *traffic* [lalu lintas] dan *kakitange* [kakitangan] ke jalan lain.

TAMAT BAHAGIAN IV (BAHAGIAN II)

II) PENGURUSAN PEJABAT SUK

AI: **Seterusnya pengurusan Pejabat SUK, soalan pertama apakah waktu Pejabat SUK beroperasi (waktu dan hari)?**

EH: Hari dan waktu beroperasi hari Ahad sampai Khamis waktu lapan pagi hingga lima petang.

AI: **Apakah perkhidmatan yang disediakan oleh Pejabat SUK?**

EH: Perkhidmatan yang disediakan di Pejabat SUK memang banyak secara umumnya, kalau secara *detailnya* [terperincinya]. Secara umumnya memberi perkhidmatan kepada rakyat secara umum lah, kalau *detail* [terperinci] memang banyak lagi lah *mace-mace pecah* [macam-macam pecahan] lah, dari segi protokol, dari segi *pentadbire* [pentadbiran], dari segi *perlantike mace-mace* [perlantikan macam-macam] lagi.

AI: **Berapakah jabatan atau unit yang sedia ada di Pejabat SUK?**

EH: Jabatan tak silap saya lima enam jabatan dan bahagian memang banyaklah. Bahagian pecahan daripada *jabatey* [jabatan] tu [itu] memang banyak *bahagie* [bahagian]. Bahagian SUK sendiri yang ada empat lima bahagian, SUK sendiri apatah lagi Pejabat PGG contohlah, *bahagie-bahagie pendaftare*, *bahagie penguatkuasa* *mace-mace lah* [bahagian-bahagian pendaftaran, bahagian penguatkuasa macam-macam lah] banyak.

AI: Mengapakah bangunan atau organisasi Pejabat SUK perlu diperbaharui pada waktu itu?

EH: Kerana untuk bagi sebagai memenuhi keperluan semasa, perlu diperbaharui dari segi anggota, dari segi unit, dari segi carta. Pada kerana semasa *tu* [itu], ialah masa berubah ke hadapan maka jabatan pun ikut ke hadapan lah.

AI: Berapakah bilangan pekerja yang diambil waktu itu seingat Encik Hassan?

EH: Pada waktu *tu* [itu], maksud waktu selepas perang ke waktu mana tempoh kalau saya dapat cari masa lah?

AI: Selepas perang.

